



DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA



**Dasar Akses Terbuka Tesis dan
Disertasi Institusi Pengajian Tinggi
Malaysia**

Dasar Akses Terbuka Tesis Dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

Jawatankuasa Akses Terbuka Universiti Awam Malaysia
Hakcipta Terpelihara
2025

Rekabentuk Kulit: Norizan bin Noorman

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

SENARAI KANDUNGAN

1.0 BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	2-4
1.2	Tujuan	4-5
1.3	Jawatankuasa Inisiatif Akses Terbuka Universiti Awam Malaysia	5-7

2.0 BAB 2 TREND AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI 8

2.1	Trend Akses Terbuka Tesis dan Disertasi di Peringkat Antarabangsa	9-11
2.2	Akses Tesis dan Disertasi Universiti Awam Malaysia	11-12
2.3	Senario Akses Tesis UA Malaysia	13-16

3.0 BAB 3 DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA 17

3.1	Pengenalan	18-19
3.2	Tafsiran	19-20
3.3	Objektif	20-21
3.4	Pernyataan Dasar	21-22
3.5	Skop Dasar	22
3.6	Kerangka Akses Terbuka Tesis dan Disertasi	23-29
3.7	Strategi Pelaksanaan Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi	29-32
3.8	Perlindungan Harta Intelek	32-33
3.9	Peranan dan Tanggungjawab	33-35
3.10	Impak Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi IPT	36-37
3.11	Penutup	37

RUJUKAN 38

PENGHARGAAN 39-40

BAB: 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2024 telah memperkenalkan satu inisiatif strategik yang dinamakan 20 Landasan Meningkatkan Prestasi Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Negara sebagai langkah proaktif untuk memperkukuh dan memperkasakan sektor pendidikan tinggi negara, bukan sahaja bagi tahun 2024 tetapi juga untuk kesinambungan masa depan. Dalam rangka tindakan ini, KPT memberi tumpuan khusus terhadap aspek penyampaian pendidikan yang lebih inklusif, holistik dan berimpak tinggi, sejajar dengan keperluan dan cabaran semasa. Antara fokus utama yang diketengahkan termasuklah usaha memperluas akses kepada pendidikan tinggi yang berkualiti, membudayakan pendekatan pembelajaran sepanjang hayat, serta mengarusperdanakan pendigitalan dalam sistem penyampaian pendidikan. Inisiatif ini juga dilihat sebagai pemangkin dalam memantapkan budaya pembelajaran dan budaya keserjanaan, selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat global.

Selaras dengan hasrat ini, Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 2021-2025 telah digariskan sebagai kerangka utama bagi memperkukuh pelaksanaan agenda pendigitalan dalam sektor pendidikan tinggi. Pelan ini merangkumi strategi dan program yang dirancang secara menyeluruh sebagai panduan kepada pembangunan serta pelaksanaan inisiatif projek digital KPT dengan lebih tersusun, menyeluruh dan efektif. Ia menjadi asas penting dalam mempercepat transformasi digital institusi pengajian tinggi, sekali gus memastikan sistem pendidikan negara terus relevan dan berdaya saing dalam era digital yang serba pantas ini.

Fokus utama PSP ini terbahagi kepada empat (4) Teras Strategik:

- a) Teras Strategik 1: Pemantapan Pendigitalan Perkhidmatan Bersepadu Stabil dan Dinamik

- b) Teras Strategik 2: Pemantapan Infrastruktur dan Keselamatan ICT
- c) Teras Strategik 3: Pemerkasaan Tadbir Urus ICT yang Holistik dan Dinamik
- d) Teras Strategik 4: Pemantapan Kompetensi dan Pembudayaan Digital

Bagi Teras Strategik 1, beberapa strategi telah dirangka oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan secara digital yang menyeluruh (end-to-end) dan bersepadu kepada semua golongan sasaran, termasuk warga akademik, penyelidik dan pihak berkepentingan lain dalam ekosistem pendidikan tinggi. Salah satu strategi utama yang digariskan ialah Pembangunan Gerbang Perkhidmatan Penyelidikan Berpusat KPT, yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah platform digital bersepadu yang dapat menyokong pengurusan aktiviti penyelidikan, pemprofilan penyelidik, serta perkongsian maklumat berkaitan penerbitan ilmiah dan sitasi secara lebih efisien dan sistematik.

Melalui inisiatif ini, KPT mensasarkan agar maklumat dan hasil penyelidikan dapat diuruskan dengan lebih telus, terbuka dan mudah diakses, sekali gus meningkatkan keterlihatan dan impak penyelidikan negara di peringkat antarabangsa. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selaku pemain utama dalam landskap pendidikan tinggi negara, perlu mengambil peranan aktif dan proaktif dalam menyokong pelaksanaan teras strategik ini agar segala hasrat dan aspirasi KPT ke arah pembangunan sistem pendigitalan pendidikan tinggi yang holistik dan inklusif dapat direalisasikan secara menyeluruh dan berkesan.

Salah satu komponen utama dalam pendigitalan penyelidikan ialah pelaksanaan akses terbuka terhadap tesis dan disertasi pascasiswazah di IPT. Langkah ini sejajar dengan aspirasi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021–2025, khususnya dalam memperkasa khutub khanah universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan pemangkin budaya penyelidikan terbuka. Ia turut mendokong pelaksanaan Dasar Pendidikan Tinggi Negara,

yang menekankan keperluan kepada pembelajaran sepanjang hayat, keterbukaan ilmu, dan penyelidikan berimpak tinggi.

Sebagai langkah menyokong agenda ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah merancang pembentukan National Digital Library, satu platform perpustakaan digital negara yang bersifat inklusif dan bersepadu. Universiti Malaya (UM) telah diberi mandat untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan sebagai langkah awal dalam memastikan sistem ini dibangunkan berdasarkan keperluan pengguna, teknologi semasa dan hala tuju jangka panjang ekosistem penyelidikan negara.

Pelaksanaan sistem ini bukan sahaja akan memudahkan capaian kepada bahan ilmiah secara terbuka dalam kalangan komuniti akademik dan masyarakat umum, malah turut menyokong pelaksanaan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021–2030 yang menekankan pemerkasaan infrastruktur ilmu, keterbukaan data dan kolaborasi merentas institusi.

Secara tidak langsung, inisiatif ini akan menggalakkan budaya perkongsian ilmu antara universiti, memperluaskan kolaborasi antara penyelidik, dan meningkatkan visibiliti penyelidik Malaysia di peringkat serantau dan global — seterusnya memperkukuh daya saing negara dalam landskap pendidikan tinggi dan penyelidikan antarabangsa.

1.2 TUJUAN

Dasar Akses Terbuka Tesis dan Disertasi Institusi Pengajian Tinggi Malaysia digubal bagi menyokong pembangunan ekosistem penyelidikan yang lebih terbuka, telus dan berimpak tinggi. Dasar ini bukan sahaja bertujuan untuk membolehkan capaian terbuka kepada kandungan ilmiah, tetapi juga berperanan sebagai panduan rasmi kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam merangka,

melaksana dan memantau pelaksanaan dasar akses terbuka di peringkat institusi masing-masing. Tiga tujuan utama dasar ini adalah seperti berikut:

1.2.1 Memperluas Akses kepada Pengetahuan Ilmiah

Membolehkan hasil penyelidikan pelajar pascasiswazah, khususnya tesis dan disertasi, diakses secara terbuka oleh komuniti penyelidik, pelajar, pendidik, pembuat dasar dan masyarakat umum. Akses terbuka ini menyokong penyebaran ilmu tanpa sekatan dan memperkukuh budaya pembelajaran sepanjang hayat.

1.2.2 Meningkatkan Visibiliti dan Impak Penyelidikan Tempatan

Memberi pendedahan lebih luas kepada penyelidikan yang dihasilkan oleh pelajar institusi pengajian tinggi, sekali gus meningkatkan sitasi, kolaborasi akademik dan reputasi penyelidik serta institusi di peringkat nasional dan antarabangsa.

1.2.3 Menyokong Pemerkasaan Ekonomi Berasaskan Pengetahuan


Pengetahuan yang dikongsi secara terbuka membolehkan pemindahan ilmu ke dalam pelbagai sektor, termasuk industri dan komuniti. Ini membantu menjana inovasi, menyokong pembangunan dasar awam yang berasaskan bukti, dan menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi negara.

1.3 JAWATANKUASA INISIATIF AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

1.3.1 Jawatankuasa Inisiatif Akses Terbuka Universiti Awam Malaysia telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2019 dengan matlamat untuk mengkaji dan mencadangkan pelaksanaan dasar akses terbuka yang melibatkan 20 universiti awam di seluruh negara. Jawatankuasa ini diselaraskan oleh

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan dipengerusikan oleh Ketua Pustakawan Universiti Utara Malaysia (UUM). Keanggotaan awal jawatankuasa ini turut merangkumi Ketua-Ketua Pustakawan dari Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

- 1.3.2 Namun begitu, susulan persaraan beberapa orang Ketua Pustakawan termasuk Pengerusi asal jawatankuasa ini, satu ketetapan telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKKPUA) yang berlangsung pada 18 Julai 2023 di Perpustakaan Hamzah Sendut, USM. Mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk membentuk struktur jawatankuasa baharu, dan melantik Ketua Pustakawan UTHM sebagai Pengerusi baharu bagi meneruskan kesinambungan inisiatif akses terbuka dalam kalangan universiti awam.
- 1.3.3 Jawatankuasa baharu yang dipengerusikan oleh Ketua Pustakawan UTHM ini dianggotai oleh beberapa Ketua Pustakawan daripada Universiti Awam, iaitu USIM, UiTM, USM, UUM, UTM dan UPSI. Bagi menyokong aspek perundangan dalam pelaksanaan dasar akses terbuka, ahli Jawatankuasa Perundangan turut dilantik. Jawatankuasa ini terdiri daripada Penasihat Undang-Undang UTHM dan Penasihat Undang-Undang USM, di mana wakil USM juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Undang-Undang Universiti Awam Malaysia. Sebagai tambahan, seorang pakar bidang dari UTHM yang aktif dalam penyelidikan dan penerbitan ilmiah turut dilantik sebagai pakar rujuk bagi memberikan pandangan teknikal dan akademik dalam merangka pelaksanaan dasar ini secara komprehensif.



Bagi melaksanakan dasar ini, Jawatankuasa Inisiatif Akses Terbuka Universiti Awam, telah dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertujuan melaksanakan fungsi seperti berikut:

- i. Menetapkan dasar akses terbuka sebagai garis panduan kepada pemegang taruh, penyelidik dan pelajar.
- ii. Merancang inisiatif strategik pelaksanaan dasar akses terbuka UA.
- iii. Mengawal selia dan menyelaraskan pelaksanaan dasar akses terbuka UA.
- iv. Mengkaji dan mengemaskini dasar bagi memenuhi keperluan semasa.
- v. Menyediakan laporan perkembangan pelaksanaan inisiatif akses terbuka di peringkat KPT.
- vi. Memilih dan melantik sekretariat berdasarkan keperluan semasa.

BAB 2

TREND AKSES TERBUKA

2.1 TREND AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

2.1.1 Konsep Akses Terbuka mula diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2002 melalui pelancaran Budapest Open Access Initiative (BOAI), yang merupakan antara deklarasi awal yang menggariskan prinsip-prinsip utama dalam usaha memperluaskan akses terhadap hasil penyelidikan ilmiah tanpa sebarang halangan kewangan, undang-undang atau teknikal. Inisiatif ini menjadi titik tolak kepada gerakan global yang menekankan pentingnya penyebaran ilmu secara bebas dan terbuka untuk menyokong pembangunan sains, pendidikan, dan masyarakat secara keseluruhan.

2.1.2 Menurut National Institute of Informatics (NII), Jepun, pelaksanaan konsep akses terbuka bukan sahaja bersifat strategik dalam konteks penyelidikan, malah sangat diperlukan kerana ia dapat mempercepatkan proses penyebaran penemuan kajian kepada khalayak lebih luas, termasuk penyelidik, pembuat dasar, sektor industri dan orang awam. Di samping itu, akses terbuka juga berperanan penting dalam menggalakkan inovasi melalui perkongsian ilmu yang lebih luas, memperkayakan kualiti pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat pendidikan, serta merangsang pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan demi manfaat masyarakat secara menyeluruh.

2.1.3 Terdapat beberapa pangkalan data di seluruh dunia yang menyediakan platform bagi mengakses tesis dan disertasi secara terbuka. Laman sesawang ND LTD (<https://ndltd.org/thesis-resources/find-etds/>) telah menyenaraikan lebih 10 pangkalan data tesis seluruh dunia yang menyediakan akses terbuka kepada tesis dan disertasi. Antara pangkalan data tersebut adalah seperti berikut:

- i. TROVE: pangkalan data oleh *National Library of Australia* (<http://trove.nla.gov.au/>)
- ii. EThoS: pangkalan data oleh *British Library* (<https://bl.iro.bl.uk/>)
- iii. *Open Access Theses and Dissertation* (OATD): <https://oatd.org/>
- iv. *Theses Canada*: <https://library-archives.canada.ca/eng>
- v. *Global Electronic Theses and Dissertation* (ETD): <http://search.ndltd.org/>
- vi. *Open Dissertations*: <https://opendissertations.org/>

2.1.4 Dalam kajian yang dilakukan oleh Ali & Sumaira pada Januari 2021 berkenaan sumbangan negara United Kingdom (UK) dan Negara Amerika (USA) terhadap akses terbuka tesis dan disertasi di dalam pangkalan data OATD mendapati dari jumlah keseluruhan 5,031,307 bahan tesis di OATD, 428,856 tesis adalah dari UK dan 1,243,207 tesis dari USA. Berikut adalah pecahan bilangan tesis di OATD mengikut negara:

Negara	Bilangan Tesis	Peratusan
USA	1,243,207	24.74
UK	428,856	8.52
Kanada	418,707	8.32
Brazil	390,399	7.75
Sweden	282,855	5.62
Finland	256,561	5.09
Jepun	256,467	5.09
Belanda	206,128	4.10
Portugal	159,079	3.16
Germany	133,540	2.65
Lain-lain Negara	1,255,508	24.95

JUMLAH KESELURUHAN	5,031,307	100
-------------------------------	------------------	------------

Jadual 1: Statistik Bilangan Tesis Di Dalam OATD Mengikut Negara Tahun 2021

2.2 AKSES TESIS DAN DISERTASI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA


2.2.1 Tesis dan disertasi merupakan antara bentuk utama hasil karya ilmiah yang dihasilkan oleh pelajar pascasiswazah sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti. Dokumen ini bukan sahaja melambangkan pencapaian akademik individu, malah mengandungi hasil penyelidikan yang telah dijalankan secara sistematik, kritikal dan berasaskan metodologi saintifik yang diiktiraf. Karya ilmiah ini amat bernilai tinggi kerana ia mewakili sumbangan intelektual pelajar terhadap pengembangan sempadan ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian masing-masing. Selain berfungsi sebagai rekod akademik dan dokumentasi hasil penyelidikan, tesis dan disertasi juga berperanan penting dalam mencerminkan budaya penyelidikan yang berkualiti tinggi di sesebuah institusi pengajian tinggi.

2.2.2 Pada tahun 2005, Universiti Awam Malaysia telah mewujudkan satu platform carian setempat yang diberi nama *Malaysian Theses Online* (MyTO) <http://myto.upm.edu.my>. Pangkalan data ini menyediakan akses kepada tesis dan disertasi universiti awam dan swasta. Terdapat beberapa format akses kepada bahan di dalam pangkalan data ini iaitu paparan abstrak, paparan 24 muka surat dan teks penuh. Kebanyakan akses kepada teks penuh tesis masih terhad di dalam repositori universiti masing-masing dan tidak terlihat (visible) secara global. Bagi tesis dengan paparan abstrak dan paparan 24 muka surat, pengguna masih perlu hadir secara fizikal ke perpustakaan untuk mendapatkan teks penuh.

2.2.3 MyTO merupakan inisiatif perpustakaan UA sebagai sebahagian dari projek kerjasama Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan ke atas sistem yang dibangunkan ini iaitu;

- (i) Tahap pengaksesan ke atas tesis tidak sama antara satu universiti dengan universiti (bergantung kepada polisi universiti masing-masing)
- (ii) Sistem tidak dibangunkan untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan (*preservation and conservation*)
- (iii) Sistem tidak dapat mengukur impak ke atas tesis berkenaan menggunakan pengukuran metrik berasaskan sitasi (*bibliometric analysis*) seperti perkhidmatan yang disediakan oleh SCOPUS dan *Web of Science*.

2.2.4 Sehingga tahun 2024, sebanyak 162,683 rekod tesis dan disertasi telah dimuatkan di dalam MyTO. Berikut adalah statistik penggunaan MyTO bagi tahun 2021 hingga 2023.



Jadual 2: Statistik Penggunaan MyTO dari Tahun 2021 hingga 2023

2.3 SENARIO AKSES TESIS UA MALAYSIA

Beberapa kajian telah dilaksanakan berkaitan pelaksanaan akses terbuka terhadap tesis dan disertasi di Universiti Awam (UA) di Malaysia. Kajian-kajian ini memberi tumpuan kepada aspek **pengurusan tesis**, tahap **ketercapaian dan akses pengguna terhadap kandungan ilmiah** tersebut, serta **cabaran yang dihadapi oleh UA** dalam melaksanakan dasar akses terbuka secara menyeluruh.

Penemuan daripada kajian ini memberikan gambaran yang lebih mendalam tentang situasi semasa, keupayaan sistem pengurusan maklumat akademik di UA, dan keperluan untuk penambahbaikan dasar, infrastruktur serta garis panduan yang lebih jelas. Berikut merupakan dapatan utama yang diperolehi daripada kajian tersebut.

2.3.1 Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalankan kajian berkaitan “**Akses kepada Pengurusan Tesis Dan Disertasi Di Kalangan Universiti Awam Malaysia: Isu Dan Cabaran**” untuk mewujudkan repositori teks penuh kebangsaan pada tahun 2017. Hasil dapatan daripada kajian tersebut mendapati 19 universiti awam menghadkan kaedah capaian maklumat teks penuh tesis kepada pengguna dalaman. Hanya Universiti Malaya (UM) membenarkan akses kepada teks penuh secara akses terbuka. UTM telah membenarkan akses teks penuh pada tahun 2007 hingga 2010, namun bermula tahun 2011 hanya memaparkan abstrak tesis, bab 1 dan bibliografi.

2.3.2 Pada tahun 2021, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menjalankan “**Kaji Selidik Repositori Institusi Dari Segi Pengurusan Bahan Digital (PSM dan Tesis)**”. Hasil kajian mendapati hanya UM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sahaja membenarkan tesis dan

Projek Sarjana Muda (PSM) diakses secara teks penuh kepada pengguna luar. Walau bagaimanapun, UPSI hanya memberi akses terbuka kepada tesis semasa tempoh PKP.

2.3.3 “**Kajian Pelaksanaan Akses Terbuka Koleksi Ilmiah Melalui Repositori Institusi Universiti Awam (UA) Di Malaysia**” pada tahun 2023 mendapati Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah memberi kebenaran untuk akses terbuka teks penuh bagi kertas projek / disertasi / tesis yang diterbitkan sebelum tahun 2006. Manakala UM telah memberi kebenaran untuk akses terbuka teks penuh bagi kertas projek / disertasi / tesis bermula tahun 2010 diikuti oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 2020 dan Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula tahun 2021.

2.3.4 Satu tinjauan telah dilaksanakan pada tahun 2024 berkaitan hak milik tesis dan klasifikasi akses kepada tesis. Terdapat beberapa kategori pemilikan tesis dan klasifikasi akses seperti berikut:

BIL	KATEGORI PEMILIKAN	BILANGAN UA
1.	Hak Milik Universiti <i>(Copyright and other intellectual property in this thesis belonged to university)</i>	14
2.	Hak Milik Pelajar <i>(Non Exclusive right to use the thesis for teaching, learning & research)</i>	5 (UM, USM, UUM UiTM & UTHM)
3.	Hak Milik Universiti @ Pelajar @ Pemberi Dana	1 (UIAM)

Jadual 3: Hak Pemilikan Tesis Universiti Awam Malaysia

BIL	KLASIFIKASI AKSES	BILANGAN UA
1.	Confidential, Restricted, Open Access	16
2.	Confidential, Restricted, Open Access, Embargo	3 (UTHM, UIAM &UMK)
3.	Tiada	1 (USM)

Jadual 4: Klasifikasi Akses Tesis Universiti Awam Malaysia

2.3.5 Berikut adalah beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh universiti awam setelah melaksanakan akses terbuka tesis:

BIL	INSTITUSI	ISU	TINDAKAN
1.	UTM (2007-2010) 2011 – Abstrak, Bab 1 dan Bibliografi	Isu berkaitan plagiat bagi penerbitan yang memberi kesan kepada proses aktiviti penyelidikan yang dijalankan atas nama universiti	Bermula tahun 2011, UTM hanya memaparkan abstrak tesis, chapter 1 dan bibliografi.
2.	UM (2010 – kini)	Isu <i>similarity</i> yang tinggi bagi penerbitan artikel jurnal/ prosiding	Borang deklarasi penyerahan tesis diletakan di repositori untuk rujukan akses tesis. Pustakawan khusus yang akan menyelesaikan sebarang aduan berkaitan <i>High Similarity</i> di Turnitin.
3.	USIM (2020 – kini)	Tiada isu yang berkaitan dengan akses terbuka	Latihan penggunaan Turnitin kepada pensyarah bagi mengatasi isu plagiarisme

4.	UUM (2021 – Kini)	Tiada isu yang berkaitan dengan akses terbuka	Pelajar telah dimaklumkan lebih awal status akses terbuka tesis dan perpustakaan mengadakan latihan secara berterusan berkaitan plagiat dan Turnitin.
----	----------------------	---	---

**Jadual 5: Isu dan Cabaran Akses Terbuka Tesis dan Disertasi
Universiti Awam Malaysia**

BAB 3

DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

3.1 PENGENALAN

3.1.1 Pendekatan akses terbuka adalah berdasarkan kaedah baharu untuk mengurus dan menyebarkan aset bahan ilmiah penyelidikan melalui penggunaan teknologi digital. Bahan akses terbuka perlu disediakan mengikut prinsip FAIR iaitu *Findable, Accessible, Interoperable* dan *Reusable*.

3.1.2 Menurut kamus Oxford, akses terbuka adalah *the unrestricted right or opportunity to use or benefit from something, in particular, academic writing or research*. Maksud *unrestricted* ini adalah tiada had atau sempadan.

3.1.3 UNESCO pula menyatakan akses terbuka adalah **free access to information and unrestricted use of electronic resources for everyone**. Menurut UNESCO bahan penerbitan akan dikira sebagai akses terbuka sekiranya;

- i. isi kandungan ini boleh diakses secara universal dan percuma, tanpa kos kepada pembaca, melalui Internet atau sebaliknya;
- ii. penulis atau pemilik hak cipta memberikan hak yang tidak boleh ditarik balik untuk menggunakan, menyalin, atau mengedarkan artikel, kepada semua pengguna, untuk tempoh yang tidak terhad, dengan syarat diberi penghargaan yang sewajarnya;
- iii. bahan disimpan, dengan serta-merta, dalam bentuk elektronik yang lengkap dan sesuai, dalam sekurang-kurangnya satu repositori akses terbuka yang diiktiraf secara meluas di peringkat antarabangsa yang komited kepada akses terbuka.

3.1.4 Tesis dan disertasi merupakan **hasil karya ilmiah pelajar siswazah** semasa di universiti. Hasil karya ilmiah yang dikeluarkan amat bernilai tinggi dan merupakan sebahagian daripada sumbangan akademik

terhadap kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Tesis dan disertasi merupakan hasil penyelidikan penting yang memberi impak terhadap kemajuan manusia dan juga sebagai indikator pengiktirafan ilmu.

3.2 TAFSIRAN

3.2.1 Akses Terbuka (*Open Access/OA*) Tesis dan Disertasi

Tesis dan disertasi dalam talian yang boleh diakses secara percuma dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan.

3.2.2 Hak Cipta

Merupakan hak penguasaan yang dilindungi oleh undang-undang terhadap penyelidikan yang diperolehi oleh pengarang atau penyelidik.

3.2.3 Kategori Akses Tesis

Kategori akses tesis terdiri daripada:

- i. *Confidential* – mengandungi maklumat sulit dan maklumat keselamatan yang sangat penting kepada Malaysia seperti yang ditetapkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.
- ii. *Restricted* – mengandungi maklumat terhad sebagai mana yang ditentukan oleh organisasi/ institusi di mana penyelidikan dilakukan.
- iii. *Open Access* – tesis tersedia untuk diakses secara terbuka.
- iv. *Embargo* - tempoh masa tertentu untuk mendapat kebenaran akses terbuka sesuatu bahan.

3.2.4 Metadata

Kumpulan data asas yang menerangkan perincian maklumat penerbitan mengenai sesuatu bahan seperti pengarang, maklumat bibliografi, abstrak, penerbit dan lain-lain.

3.2.5 **Pemilik Tesis**

Universiti/pelajar/pemberi dana/industri mengikut Polisi Harta Intelek dan borang penyerahan tesis Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masing-masing. Universiti hendaklah menamakan pegawai yang diberi perwakilan kuasa untuk membenarkan akses terbuka.

3.2.6 **Repositori Institusi IPT**

Pusat penyimpanan kepada manuskrip akhir hasil penerbitan dan penyelidikan warga universiti yang telah bebas dari isu-isu hak cipta. Bahan-bahan yang didepositkan ke dalam repositori institusi adalah:

- i. Artikel Jurnal
- ii. Prosiding
- iii. Buku
- iv. Bab dalam buku
- v. Tesis
- vi. Paten

3.2.7 **Tesis dan disertasi**

Tesis bermaksud karya ilmiah yang tidak diterbitkan dan dikemukakan untuk memperolehi ijazah kedoktoran (PhD.), sementara disertasi merujuk kepada karya yang dihasilkan pada peringkat ijazah Sarjana dan Sarjana muda. Definisi ini adalah berdasarkan tafsiran yang diterima pakai oleh universiti di United Kingdom (UK) dan mungkin berbeza bagi universiti di United States (US).

3.3 **OBJEKTIF**

3.3.1 Meningkatkan **prestasi kecemerlangan** pendidikan tinggi negara sebagai sebuah hab pendidikan serantau dan antarabangsa bagi menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

- 3.3.2 Mewujudkan rangkaian perkongsian tesis dan disertasi di kalangan penyelidik, pelajar dan masyarakat bagi mempercepatkan sebaran dan perkembangan ilmu.
- 3.3.3 Mewujudkan nilai tesis dan disertasi ini kepada keuntungan negara semula melalui model pengkomersialan tesis.
- 3.3.4 Menyediakan repositori tesis di peringkat kebangsaan bagi menghimpunkan tesis dan disertasi IPT mengikut piawaian akses terbuka.
- 3.3.5 Meningkatkan keterlihatan (*visibility*) kepakaran penyelidik Malaysia di peringkat dunia bagi meningkatkan prestasi, kolaborasi dan rangkaian kerjasama bagi penyelidikan baharu.
- 3.3.6 Meningkatkan *ranking* webometrik universiti melalui rujukan sitasi tesis dan disertasi.

3.4 PERNYATAAN DASAR

- 3.4.1 Universiti komited untuk memberikan akses tesis dan disertasi secara terbuka melalui pelantar berciri infrastruktur dinamik yang saling boleh beroperasi berlandaskan prinsip keterbukaan, kebolehaksesan, dan keadilan serta mematuhi prinsip FAIR dengan :-
 - i. kepatuhan terhadap undang-undang hak cipta, keselamatan maklumat, dan kebolehcapaian global
 - ii. melindungi hak intelek dan kepentingan semua pihak berkaitan, termasuk pelajar, universiti, dan pihak industri.

- iii. melaksanakan pendekatan holistik bagi memastikan kejayaan termasuk pemantauan berkala, penyelenggaraan repositori yang cekap, menyediakan latihan dan sokongan berterusan.


3.4.2 Dasar ini akan menjadi asas kepada usaha kolektif untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat perkayaan ilmu dan pemerkasaan penyelidikan bertaraf antarabangsa yang mampu memberi impak besar kepada dunia.

3.5 SKOP DASAR

- 3.5.1 Dasar ini terpakai kepada koleksi tesis dan disertasi dalam bentuk bercetak dan digital di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia.
- 3.5.2 Dasar ini bertujuan untuk memastikan pengurusan tesis dan disertasi yang lebih sistematik dan seragam di setiap IPT Malaysia bagi kelestarian tesis dan disertasi Malaysia.
- 3.5.3 Pengurusan tesis yang sistematik dan terancang juga dapat meningkatkan *visibility* tesis Malaysia di peringkat global dan membolehkan pengukuran impak tesis Malaysia.
- 3.5.4 Dasar ini memberikan kebebasan akses kepada tesis dan disertasi dalam rangka undang-undang dan etika hak cipta bagi penciptaan maklumat penyelidikan baharu yang berkualiti.
- 3.5.5 Pelaksanaan dasar akan melibatkan dua (2) fasa iaitu fasa pertama untuk koleksi tesis IPTA dan fasa kedua akan dibuka kepada IPTS yang berminat untuk turut serta.
- 3.5.6 Skop dasar akan dikaji semula dalam tempoh 3 hingga 5 tahun atau mengikut keperluan semasa.

3.6 KERANGKA AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI

KERANGKA AKSES TERBUKA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



Kerangka ini berfungsi sebagai panduan strategik untuk memacu keterbukaan akses kepada hasil penyelidikan, memperkuat reputasi institusi, menggalakkan budaya kolaborasi yang dinamik, dan memastikan manfaat pengetahuan yang tersedia secara terbuka dapat dinikmati oleh semua pihak.

3.6.1 Impak

i. Kolaborasi

Mengukuhkan kolaborasi antara penyelidik dan institusi melalui akses terbuka kepada pembiayaan (funders) dan masyarakat.

ii. Keterlihatan

Meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan Malaysia di peringkat global.

iii. Pendidikan terbuka

Menyokong pendidikan terbuka dengan menyediakan sumber maklumat yang mudah diakses.

iv. Penilaian

Penilaian pencapaian institusi dan penyelidik menjadi lebih mudah dengan akses terbuka. Penilaian tidak terhad kepada *peer-reviewer* sahaja tetapi juga maklum balas dari masyarakat.

v. **Sains Rakyat (Citizen Science)**

Akses terbuka turut memperluaskan penglibatan masyarakat dalam dunia penyelidikan melalui konsep "sains rakyat". Masyarakat umum diberi peluang untuk menyumbang kepada projek penyelidikan, sama ada melalui pengumpulan data, analisis, atau memberikan pandangan.

vi. **Perkongsian idea**

Akses terbuka memudahkan perkongsian idea antara penyelidik, yang menjadi asas kepada pembangunan inovasi Baharu. Berkongsi idea untuk manfaat masyarakat dan industri.

vii. **Insentif**

Akses terbuka memberi peluang untuk pengiktirafan dan ganjaran yang lebih besar. Hasil penyelidikan yang mendapat lebih banyak petikan dan muat turun sering kali dianggap sebagai petunjuk kejayaan akademik.

viii. **Integriti penyelidikan**

Meningkatkan integriti dan kepercayaan terhadap penyelidikan. Akses terbuka membantu memupuk integriti dalam dunia penyelidikan apabila hasil penyelidikan boleh diakses oleh semua. Ianya membuka ruang untuk semakan penilaian pakar bidang (peer review) yang lebih meluas.

3.6.2 Akses

Terdapat tiga kategori akses utama:

i. Orang awam

Memberi peluang kepada masyarakat umum untuk memanfaatkan ilmu yang dihasilkan oleh universiti.

ii. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Akses khusus untuk penyelidik dan pelajar Universiti Awam untuk meningkatkan impak dan reputasi penyelidikan mereka.

iii. Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Akses kepada pelajar IPTS bagi melibatkan mereka dalam ekosistem akses terbuka, memastikan penghasilan ilmu mereka turut diiktiraf dan boleh dicapai.

3.6.3 Pemangkin ICT

Pemangkin kepada kejayaan akses terbuka ialah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang mempercepatkan proses penyimpanan dan perkongsian data:

i. Repositori Institusi (IR):

Repositori institusi berfungsi sebagai platform utama untuk menyimpan dan mengurus tesis di setiap universiti masing-masing.

ii. **Repository Tesis Kebangsaan:**

Repository peringkat kebangsaan dijadikan platform untuk mengumpul tesis dari pelbagai institusi dan menyediakan akses terbuka untuk meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan.

3.6.4 Hak Milik

Pihak yang bertanggungjawab terhadap akses dan pengurusan tesis

i. **Universiti:**

Sebagai penjaga repository institusi, pemilik tesis dan penyedia utama data.

ii. **Penyelidik:**

Mereka bertanggungjawab menghasilkan dan mengawal kualiti data yang diterbitkan.

iii. **Industri:**

Menggunakan hasil penyelidikan untuk inovasi dan pembangunan.

3.6.5 Asas

Asas kepada kerangka ini merangkumi elemen penting yang mendukung pelaksanaan akses terbuka:

i. **Dana Awam dan Dana Kerajaan:**

Penyelidikan yang dibiayai oleh kerajaan sama ada dijalankan oleh kerajaan sendiri, atau melalui geran kepada penyelidik di luar kerajaan.

ii. **Sumber Maklumat:**

Sumber maklumat ditakrifkan sebagai data dan maklumat yang digunakan oleh seseorang atau sesebuah organisasi untuk penyelidikan.

iii. **Penyelidik:**

Komitmen dari penyelidik sebagai pengeluar data utama untuk menyokong dasar ini.

iv. **Data**

Data dari hasil penyelidikan tesis dan disertasi yang menjadi asas kepada penyelidikan baharu dan inovasi.

3.6.6 Prinsip

Mematuhi prinsip FAIR untuk memastikan data penyelidikan dapat digunakan semula dan diakses dengan lebih efisien:

i. ***Findable* (Dapat Dicari):**

Maklumat dan data perlu diatur secara sistematik dan mudah dicari, sama ada oleh penyelidik, pembaca, atau masyarakat umum.

ii. ***Accessible* (Boleh Diakses):**

Maklumat yang tersedia perlu boleh diakses tanpa sekatan, termasuk melalui platform digital yang mesra pengguna.

iii. ***Interoperable* (Boleh Beroperasi Bersama):**

Data yang dihasilkan boleh diintegrasikan antara sistem berbeza untuk memudahkan perkongsian, analisis, dan kolaborasi merentas platform.

iv. ***Reusable* (Boleh Digunakan Semula):**

Data yang dikongs boleh diguna semula untuk penyelidikan lain tanpa perlu menukar atau memproses semula maklumat tersebut.

3.7 STRATEGI PELAKSANAAN DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI

3.7.1 Pelaksanaan akses terbuka tesis dan disertasi melibatkan 20 IPTA dan 62 IPTS memerlukan tindakan seperti di bawah:

3.7.1.1 Maklumat yang terdapat di dalam borang penyerahan tesis perlu mengandungi klasifikasi akses seperti berikut:

3.7.1.1.1 *Confidential* – mengandungi maklumat sulit dan maklumat keselamatan yang sangat penting kepada Malaysia seperti yang ditetapkan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

3.7.1.1.2 *Restricted* – mengandungi maklumat terhad sebagaimana yang ditentukan oleh organisasi/ institusi di mana penyelidikan dilakukan.

3.7.1.1.3 *Open Access* – tesis tersedia untuk diakses secara terbuka.

3.7.1.1.4 *Embargo* - tempoh masa tertentu untuk mendapat kebenaran akses terbuka sesuatu bahan.

- 3.7.1.2 Pelajar dikehendaki mengemukakan borang penyerahan tesis dan disertasi IPT masing-masing yang telah lengkap dengan status akses bersama-sama dengan tesis atau disertasi yang dihantar.
- 3.7.1.3 Tesis dan disertasi teks penuh yang akan dimuat naik ke dalam repositori hendaklah **disahkan atau diluluskan** bertaraf akses terbuka oleh **penyelia pelajar** sebelum disebar kepada pengguna awam. Penyelia pelajar bertanggungjawab memastikan bahawa tesis yang akan dikategorikan sebagai akses terbuka adalah **BUKAN** dalam kategori **SULIT, TERHAD** atau **EMBARGO**.
- 3.7.1.4 Walau bagaimanapun, pelajar atau kolaborator boleh mengemukakan bantahan sekiranya tidak bersetuju tesis tersebut dijadikan akses terbuka, walaupun tesis tersebut bukan dalam kategori sulit, terhad atau embargo. Universiti hendaklah membuat pertimbangan dan membuat keputusan terhadap bantahan tersebut dengan menilai asas-asas yang munasabah seperti keperluan pendaftaran harta intelek, pengkomersialan dan sebagainya. Keputusan Universiti berhubung bantahan tersebut adalah muktamad.
- 3.7.1.5 Tesis dan disertasi yang mengandungi maklumat sulit atau terhad (confidential) dan terhad (restricted) oleh organisasi terlibat dalam penyelidikan akan dikecualikan daripada akses terbuka.
- 3.7.1.6 Tesis dan disertasi yang telah melepasi tempoh embargo boleh diakses secara terbuka.
- 3.7.1.7 Pelaksanaan dasar ini adalah selari kepada polisi harta intelek dan polisi pengkomersialan harta intelek universiti masing-masing.
- 3.7.1.8 Dasar ini dibaca bersama dengan dasar/garis panduan yang berkaitan dengan akses terbuka.

3.7.2 Strategi pelaksanaan di peringkat perpustakaan:

3.7.2.1 Pemakluman dan penerangan awal kepada pelajar berkaitan status akses terbuka tesis dan disertasi.

3.7.2.2 Perpustakaan perlu mengadakan latihan secara berterusan berkaitan sistem semakan plagiarisme dan isu plagiat.

3.7.2.3 Mewujudkan pustakawan khusus untuk mengendalikan sebarang aduan atau isu berkaitan dengan plagiarisme.

3.7.2.4 Akses terbuka tesis dan disertasi bermula dari koleksi yang telah mempunyai deklarasi akses terbuka yang jelas.

3.7.2.5 Perpustakaan perlu menyediakan storan yang mencukupi untuk menyimpan rekod teks penuh tesis dan disertasi.

3.7.2.6 Perpustakaan perlu memastikan sistem repositori yang diguna pakai berkebolehan untuk saling bolehberoperasi (interoperable) dengan platform berpusat akses terbuka.

3.7.2.7 Menyediakan fungsi di dalam sistem repositori yang akan menukar status bahan secara automatik kepada akses terbuka selepas tempoh *embargo*.

3.7.3 Repositori berpusat di peringkat kebangsaan berasaskan teknologi kecerdasan buatan (AI)

Repositori berpusat di peringkat kebangsaan akan diwujudkan berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) dan menyediakan *dashboard* bagi penjanaan data analitik tesis Malaysia.

3.7.4 Model Bisnes Komersial Tesis IPT

Model Bisnes Komersial Tesis IPT boleh dipertimbangkan pelaksanaannya dengan persetujuan dari IPT dan KPT.

3.8 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Pemilik tesis hendaklah berusaha melaksanakan perlindungan harta intelek kepada tesis yang telah berstatus akses terbuka yang dikenal pasti berpotensi untuk dikomersialkan, dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penerbitan dalam platform akses terbuka. Ini bagi mengelakkan kehilangan hak kelayakan pendaftaran harta intelek selepas tempoh tersebut kerana hasil ciptaan yang diterbitkan telah menjadi *public domain*.

3.8.1 Perlindungan Harta Cipta

Di Malaysia, hakcipta dikawal oleh Undang-Undang melalui Akta Hak Cipta 1987 (dirujuk sebagai Akta). Berdasarkan undang-undang hak cipta, penciptaan dan pemilikan adalah dua konsep yang berbeza. Terdapat beberapa peruntukan undang-undang dalam akta yang boleh dirujuk berhubung pelaksanaan akses terbuka dalam isu-isu berkaitan perlindungan hak cipta seperti berikut:

- i. Seksyen 25 - menetapkan bahawa pencipta karya mendapat hak moral ke atas karya.
- ii. Seksyen 26 – pencipta diiktiraf sebagai pemilik pertama kecuali dalam tiga (3) keadaan iaitu karya dibuat dalam proses pekerjaan, karya ditempah oleh seseorang yang bukan majikan pencipta dan karya yang dibuat di bawah arahan atau kawalan Kerajaan, badan Kerajaan atau badan antarabangsa.
- iii. Seksyen 13 (1) - pemilik hak cipta memiliki hak ekonomi ke atas karya.

3.8.2 Pengecualian Perlindungan Hak Cipta

Tesis dan disertasi yang telah dibenarkan untuk akses terbuka adalah tertakluk kepada pengecualian perlindungan hak cipta seperti berikut:

Akta Hak Cipta 1987 dan Undang-Undang English Common Law (Undang-Undang Adat Lama Inggeris) ada memberikan pengecualian terhadap sebarang pelanggaran hak cipta. Pengecualian ini bermaksud, sebarang penggunaan sesuatu hak cipta itu, ianya tidak akan dianggap sebagai pelanggaran hak cipta sekiranya:--

- i. sesuatu hakcipta digunakan untuk tujuan penyelidikan atau pendidikan di Universiti;
- ii. sesuatu hakcipta digunakan untuk tujuan pengajaran atau pembelajaran yang tidak berasaskan keuntungan atau tidak membawa kepada sebarang keuntungan perniagaan dan tiada bayaran dikenakan untuk hakcipta tersebut kepada orang awam;
- iii. sesuatu hakcipta digunakan untuk tujuan peperiksaan sama ada sebagai soalan atau jawapan;
- iv. sesuatu hakcipta digunakan oleh Universiti yang tidak berasaskan keuntungan.

3.9 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

3.9.1 Kementerian Pendidikan Tinggi

- 3.9.1.1 Memandatkan dasar akses terbuka melalui pekeliling/arahan pentadbiran bagi pelaksanaan di peringkat IPT.
- 3.9.1.2 Mengkaji keberkesanan dasar ini berdasarkan laporan yang disediakan.

- 3.9.1.3 Memantau pembangunan dan naiktaraf platform akses terbuka tesis dan disertasi di peringkat kebangsaan.
- 3.9.1.4 Menyediakan dana tahunan untuk menampung kos penyenggaraan repositori berpusat.
- 3.9.1.5 Memudah cara perbincangan antara IPT dan agensi-agensi yang berkaitan dalam melaksanakan dasar akses terbuka tesis dan disertasi.
- 3.9.1.6 Menerima laporan atau maklum balas isu-isu berbangkit berkaitan dasar.

3.9.2 Universiti

- 3.9.2.1 Berkongsi sumbangan kewangan bagi menampung kerja-kerja menaiktaraf platform berpusat bagi akses terbuka tesis dan disertasi.
- 3.9.2.2 Melindungi hak cipta tesis berdasarkan dasar hak cipta IPT.
- 3.9.2.3 Menyediakan platform repositori institusi kepada penyelidik untuk memastikan serahan tesis mematuhi dasar yang telah ditetapkan oleh IPT serta menyediakan sistem pencarian bahan mesra pengguna.
- 3.9.2.4 Memastikan penyimpanan, pemeliharaan dan capaian tesis dan disertasi di dalam repositori.
- 3.9.2.5 Memastikan kawalan keselamatan kepada tesis di dalam repositori dengan menyelenggara repositori berpandukan Dasar Keselamatan ICT.
- 3.9.2.6 Memastikan pelaksanaan dan pemantauan Dasar Akses Terbuka Tesis dengan kerjasama dengan pihak lain yang berkaitan bagi memastikan pelaporan dan pengurusan data secara sistematik.
- 3.9.2.7 Memastikan kebolehcapaian akses daripada platform akses terbuka tesis kebangsaan kepada repositori institusi IPT.

3.9.3 Pelajar

- 3.9.3.1 Pelajar bertanggungjawab untuk menyerahkan tesis atau disertasi dalam format elektronik yang ditentukan bersama-sama dengan sejumlah salinan bercetak kepada pihak Fakulti/Pusat Pengajian/ Pusat Siswazah
- 3.9.3.2 Tesis atau disertasi yang dihantar mestilah salinan akhir yang telah disemak dan disahkan oleh penyelia atau pihak yang bertanggungjawab.
- 3.9.3.3 Pelajar dikehendaki mengemukakan dan melengkapkan borang penyerahan tesis IPT bersama-sama dengan tesis atau disertasi yang dihantar.

3.9.4 Fakulti / Pusat Pengajian Siswazah

- 3.9.4.1 Menerima, mengesahkan dan menyerahkan tesis dan disertasi yang telah disemak dan disahkan kepada pihak perpustakaan.
- 3.9.4.2 Menentukan dan mengesahkan status klasifikasi tesis dan disertasi dalam borang penyerahan tesis sebelum dimuat naik ke dalam repositori.

3.9.5 Perpustakaan

- 3.9.5.1 Menyelaras proses pendepositan hasil penerbitan melibatkan penyelidik berdasarkan keperluan pembiayaan penyelidikan.
- 3.9.5.2 Melakukan verifikasi rekod bahan penyelidikan ilmiah yang di deposit di platform repositori institusi bagi memastikan pematuhan terhadap dasar yang telah ditetapkan.
- 3.9.5.3 Menyediakan garis panduan berkaitan *metadata*, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan digital untuk jangka masa panjang.
- 3.9.5.4 Mengendalikan sesi latihan kepada pelajar dan staf.
- 3.9.5.5 Menyediakan sistem yang akan menukar status bahan secara automatik kepada akses terbuka selepas tempoh embargo.

3.10 IMPAK DASAR AKSES TERBUKA TESIS DAN DISERTASI IPT

Pelaksanaan akses terbuka akan memberi impak yang positif kepada penyelidik dan juga institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Tesis dan disertasi yang boleh diakses secara terbuka memberikan manfaat seperti berikut:

3.10.1 Penyebaran Pengetahuan Secara Meluas

Akses terbuka merujuk kepada kaedah menyediakan maklumat dan pengetahuan secara percuma atau tanpa sekatan kepada orang ramai. Ini bermaksud tesis dan disertasi boleh diakses oleh sesiapa sahaja tanpa perlu membayar atau menghadapi sekatan tertentu.

3.10.2 Kolaborasi dan Inovasi

Konsep akses terbuka memberi ruang dan peluang kepada penyelidik untuk menjalinkan kerjasama bersama rakan industri dan Universiti sama ada dalam atau luar negara. Ini menggalakkan pertukaran idea dan data bagi memacu inovasi dan perkembangan penyelidikan.

3.10.3 Peningkatan Visibiliti

Akses terbuka tesis dan disertasi memberikan peluang kepada penulis untuk mendapatkan pengiktirafan dan perhatian yang lebih besar terhadap hasil kerja mereka. Karya-karya tersebut menjadi lebih mudah diakses dan meningkatkan impak mereka dalam kalangan penyelidik sama ada tempatan atau global.

3.10.4 Keterbukaan dan Transparensi

Akses terbuka tesis dan disertasi mendorong transparensi dalam proses penelitian dan metodologi. Ini bermaksud, maklumat mengenai cara penyelidikan dijalankan dan data yang diperoleh boleh diakses dan dirujuk oleh penyelidik lain.

3.10.5 Akses untuk Komuniti

Salah satu faedah utama akses terbuka tesis dan disertasi ialah memberikan peluang kepada komuniti untuk mendapatkan akses kepada pengetahuan ilmiah. Ini boleh meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat terhadap perkembangan sains dan teknologi.

3.10.6 Kepatuhan Terhadap Prinsip Akses Terbuka

Amalan akses terbuka tesis dan disertasi mengukuhkan prinsip keterbukaan dan aksesibiliti, menyokong nilai-nilai etika dan tanggungjawab dalam dunia penyelidikan dan penulisan ilmiah.

3.10.7 Peluang Menambah Nilai Tesis dan Penjanaan Pendapatan

Pelaksanaan akses terbuka tesis dan disertasi menambah nilai tesis dan membuka peluang kepada IPT untuk menjana pendapatan melalui penawaran pakej akses maklumat kepada pihak-pihak yang berkeperluan.

3.11 PENUTUP

Pelaksanaan dasar ini memerlukan kerjasama semua IPT bagi memastikan inisiatif akses terbuka dapat dilaksanakan, dan seterusnya meningkatkan keterlihatan Malaysia sebagai pusat ilmuwan dan penyelidikan bertaraf antarabangsa.

RUJUKAN

- Ali, A., & Jan, S. (2021). Contribution of UK and USA towards Open Access Theses and Dissertations (OATD). *Proceedings of the International Conference on Knowledge Management in Higher Education Institutions (ICKHI 2021)*, 7–8 April 2021 (hlm. 309-316). Manipal University Jaipur.
- Amir Hussain Md Ishak, Salmah Salleh, & Zubaidah Ibrahahim. (2017). *Pengurusan tesis dan disertasi di kalangan universiti awam Malaysia: Isu dan cabaran untuk mewujudkan repositori teks penuh kebangsaan* [PowerPoint slides]. Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia. <https://seminarkepastakawanan2017.wordpress.com/wp-content/uploads/2017/06/3-kajian-polisi-repositori-tesis-dan-disertasi-elektronik-di-final.pdf>
- Cullen, R. & Chawner, B. (2010). Institutional repositories: Assessing their value to the academic community. *Performance Measurement and Metrics*. 11(2):131-147. <https://doi.org/10.1108/14678041011064052>
- Madalli, D. P. (2015). *Concepts of openness and open access*. UNESCO. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000232207>
- Read the declaration. (n.d.). *Budapest Open Access Initiative*. <https://www.budapestopenaccessinitiative.org/read/>
- Shieber, S. M. (2015). *A model open-access policy*. Harvard University. <https://osc.hul.harvard.edu/modelpolicy/>
- Tsoukala, V., Angelaki, M., & Pasteur4OA. (2015). *Open access policy guidelines and template for funders*. Pasteur4OA. http://www.pasteur4oa.eu/sites/pasteur4oa/files/resource/FUNDERS_POLICY_GUIDELINES_FINAL.pdf
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka. (2021). *Kaji selidik repositori institusi dari segi pengurusan bahan digital (PSM dan tesis)* [Unpublished report]. Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Universiti Teknologi Malaysia. (2023). *Kajian pelaksanaan akses terbuka koleksi ilmiah melalui repositori institusi universiti awam (UA) di Malaysia* [Unpublished report]. Universiti Teknologi Malaysia.
- UNESCO. (n.d.). What is Open Access? UNESCO. <https://en.unesco.org/open-access/what-open-access>

PENGHARGAAN

PENASIHAT JAWATANKUASA AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM

Encik Azman bin Hashim

Ketua Pustakawan UMK

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Ketua Pustakawan Universiti Awam Malaysia
(2023 -2025)

WAKIL JABATAN PENDIDIKAN TINGGI KPT

Dr Mohd Farhanulhakim bin Mohd Razip Wee

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT

PENGERUSI JAWATANKUASA AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM

Puan Zaharah binti Abdul Samad

Ketua Pustakawan UTHM

AHLI JAWATANKUASA AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM (DOKUMENTASI)

Puan Arinawati binti Ayob

Ketua Pustakawan USM

Cik Noriha binti Muhammad

Ketua Pustakawan UPSI

Puan Nor Ashikin bin Mohamad

Ketua Pustakawan UTM

Ts. Hj Azizi bin Jantan
Ketua Pustakawan UiTM

AHLI JAWATANKUASA AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM (TEKNIKAL)

Datin Nor Azzah bin Momin
Ketua Pustakawan USIM

Prof. Dr. Che Azlan bin Taib
Ketua Pustakawan UUM

AHLI JAWATANKUASA AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM (PERUNDANGAN)

Puan Norliah binti Yaakub
Pegawai Penasihat Undang-undang UTHM

Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Pegawai Penasihat Undang-Undang USM

AHLI JAWATANKUASA AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM (PAKAR BIDANG)

Prof. Ts. Dr. Aida binti Mustapha
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMPSA

SEKRETARIAT AKSES TERBUKA UNIVERSITI AWAM

Puan Siti Afifah binti Che Ismail
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UTHM

Puan Siti Raudhah binti Ruslan
Timbalan Ketua Pustakawan UTHM